



Analisis terhadap pembangunan landskap hutan rekreasi di Selangor, Malaysia

Mohd Kher Hussein¹, Saiful Arif Abdullah¹, Chamhuri Siwar¹, Shaharuddin Mohamad Ismail¹

¹Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Correspondence: Mohd Kher Hussein (email: khernurul@yahoo.com)

Abstrak

Pembangunan landskap hutan-hutan rekreasi di Malaysia dilaksana dan diurus oleh pihak Jabatan Perhutanan. Namun, perkembangan pesat yang dialami oleh kawasan tersebut menyebabkan pengurusan hutan rekreasi berkenaan diserahkan kepada pihak lain seperti lembaga pelancongan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Senario ini telah menyebabkan pembangunan landskap hutan rekreasi menerima impak yang besar ekoran pembangunan kawasan lebih menekankan kepada kaedah untuk memperoleh sumber pendapatan untuk mengurus dan juga keuntungan. Hal ini menggugat kelestarian kawasan berkenaan. Keadaan ini timbul disebabkan oleh dua isu utama, iaitu isu pembangunan dan isu pengurusan. Kedua-dua isu tersebut telah menyebabkan beberapa kawasan hutan rekreasi mengalami kegagalan kerana kekurangan pengunjung dan tidak mendapat sokongan masyarakat setempat. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis pelaksanaan pembangunan tiga tapak landskap hutan rekreasi di Selangor sebagai kes. Dua kaedah kajian digunakan, iaitu temu bual dan pemerhatian di lapangan. Temu bual dilakukan bagi mendapatkan maklumat sahih lagi terperinci mengenai strategi pembangunan landskap kawasan kajian. Manakala pemerhatian lapangan dilakukan untuk mendapatkan data mengenai penampilan fizikal kawasan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek perancangan, pembangunan, pelaksanaan dan pengurusan landskap kawasan kajian perlu diperbaiki untuk mencapai tahap kelestarian yang lebih baik. Ini penting untuk memastikan matlamat asal penubuhan hutan rekreasi sebagai kawasan pemeliharaan dan pemuliharaan hutan serta untuk kesejahteraan hidup manusia dapat dicapai. Oleh itu pihak-pihak berkaitan perlu berusaha untuk memastikan hutan rekreasi yang ada dibangunkan dengan lebih sistematik dan diurus dengan sempurna untuk generasi masa kini dan yang akan datang.

Katakunci: eko-pelancongan, hutan rekreasi, kelestarian, landskap, pembangunan, perancangan

An analysis on recreational forest landscape development in Selangor, Malaysia

Abstract

Recreational forest landscape in Peninsular Malaysia is managed and developed by Forestry Department of Peninsular Malaysia. However, rapid development of these areas has caused the management of the recreational forest to be given to other parties such as state tourism board and local authority. This scenario has seriously affected recreational forest landscape development. Their current developments focus on how to generate more revenue for management purposes and profits. Indirectly, this approach gives an impact on recreational forest landscape sustainability. Forest landscape development and management are the two main issues. Both issues had contributed to the failure of several recreational forest sites due to lack of visitors' number and lack of support from local people. The objective of this article is to analyse the recreational forest landscape development implementation

in three selected recreational forest sites, in Selangor, as a case study. The study applied two methods namely interview and field observation. Interviews were carried out to gain detail and accurate information regarding landscape development strategy of study areas. Field observations recorded information regarding physical characteristics of study sites. Result showed that landscape of the study areas needed to be properly planned and carefully developed. To achieve a higher sustainable landscape level, the plan must be implemented. Management of the forest landscapes needed to be improved. This is very important to ensure that the original goals of recreational forest landscape establishment as to preserve and conserve forest areas as well as for human wellbeing, can be achieved. Therefore, the relevant parties need to put an effort to ensure that development of the existing recreational forest landscape is carried out systematically and managed properly for the present and future human generations.

Keywords: development, eco-tourism, landscape, planning, recreational forest, sustainable

Pendahuluan

Pembangunan hutan rekreasi pada masa kini menunjukkan suatu perubahan besar di mana ia berubah daripada menyediakan ruang untuk aktiviti rekreasi kepada pelancongan domestik dan antarabangsa kerana kemampuannya untuk menyokong pembangunan industri pelancongan negara (Mohd Kher et al., 2009). Perubahan yang berlaku itu telah mewujudkan dua jenis landskap dalam hutan rekreasi iaitu landskap semulajadi dan landskap buatan manusia pada skala yang agak besar. Perubahan ini dikaitkan dengan kadar penggunaan pelancong terhadap kemudahan tersebut (Roshanim & Fazidah, 2008). Oleh itu, pembangunan kawasan hutan rekreasi perlu kepada pendekatan lestari bagi membolehkan kedua-dua jenis landskap tersebut dapat disepadukan dan menjamin keharmonianannya. Seterusnya, usaha bagi mengenalpasti elemen-elemen penting ke arah reka bentuk harmoni, tema dan garis panduan rekabentuk yang menyumbang kepada peningkatan pengalaman pengunjung, kualiti visual dan kelestarian kawasan hutan rekreasi perlu dititik beratkan dengan serius (Mohd Kher et al., 2009). Malahan, kawasan ini juga wajar mempunyai pelan perancangan pembangunan landskap keseluruhan kawasan dengan memberi pertimbangan kepada persekitaran, ekologi dan sosial serta perlu dilakukan secara terkawal dan terancang agar kemusnahan persekitaran dapat dikurangkan (Ceballos-Lascurain, 2001).

Di Malaysia, pembangunan landskap hutan rekreasi pada masa kini juga ada kaitannya dengan kempen Tahun Melawat Malaysia Pertama pada Tahun 1990. Kempen ini yang menggalakan masyarakat untuk menghargai rekreasi dan pelancongan telah menarik minat ramai pelancong dari dalam negara dan luar negara untuk datang ke kawasan hutan rekreasi. Bertitik-tolak daripada situasi tersebut, perkhidmatan sokongan seperti pengangkutan dinaik taraf dan kemudahan penginapan pula ditambah bilangannya untuk membolehkan pelawat bermalam di dalam kawasan hutan rekreasi (Badaruddin, 2008). Lantaran dari kepesatan pembangunan yang dialami oleh hutan-hutan rekreasi di Malaysia, maka sesetengah kawasan hutan rekreasi pula telah diserahkan kepada pihak lain untuk diurus dan dibangunkan seperti pihak pelancongan negeri dan pihak berkuasa tempatan (Mohd Kher et al., 2009). Sebagai contoh, di negeri Selangor, Hutan Rekreasi Sungai Chongkak dan Hutan Rekreasi Templer telah diserahkan kepada Selangor Tourism Sdn. Bhd. dan Majlis Perbandaran Selangor, masing-masing. Kini, terdapat tiga pihak yang terlibat di dalam mengurus dan membangunkan hutan rekreasi di Selangor: (i) kerajaan negeri (ii) pihak berkuasa tempatan dan (iii) swasta.

Senario di mana pengurusan hutan rekreasi terbahagi kepada tiga pihak menyebabkan pembangunannya lebih menekankan kepada kaedah untuk memperoleh sumber pendapatan bagi mengurus dan juga keuntungan berbanding meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan hutan dan pemeliharaan persekitaran (Mohd Kher et al., 2009). Penekanan ini tidak selari dengan matlamat asal penubuhannya iaitu untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pentingnya hutan dalam pemuliharaan alam sekitar dan kehidupan sejagat. Secara tidak langsung, penglibatan pelbagai pihak di dalam sistem pengurusan hutan rekreasi pula telah memberi kesan ke atas kelestarian kawasan ini termasuk landskapnya yang merujuk kepada flora dan fauna serta elemen buatan

manusia, perancangan, pembangunan, pengurusan, penyelenggaraan dan sosio budaya (Mohd Kher, et. al., 2009).

Keadaan ini timbul disebabkan oleh dua isu utama iaitu isu pembangunan (cth: pembangunan yang tidak terancang) dan isu pengurusan (cth: penyelenggaraan yang kurang baik). Isu-isu tersebut telah menyebabkan beberapa kawasan hutan rekreasi mengalami kegagalan dan terbiar kerana kekurangan pengunjung dan tidak mendapat sokongan masyarakat setempat. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis pelaksanaan pembangunan landskap hutan rekreasi di Selangor sebagai kajian kes bagi memperbaiki perancangan dan pembangunan landskap hutan-hutan rekreasi di Malaysia agar dapat meningkatkan jumlah kedatangan pengunjung, meningkatkan tahap sokongan masyarakat setempat serta dapat menjamin kelestariannya berterusan di masa hadapan.

Kaedah kajian

Kajian kes digunakan sebagai pendekatan kajian untuk mengetahui 'bagaimana' dan 'mengapa' sesuatu itu terjadi seperti ketaklestarian landskap hutan rekreasi, membenarkan penyiasatan dalam konteks sebenar dan perbezaan di antara apa yang telah dirancang dan apa sebenarnya yang berlaku (Anderson, 1993). Kajian kes ini merujuk kepada Hutan Rekreasi Sungai Tekala, Hutan Rekreasi Sungai Chongkak dan Hutan Rekreasi Templer di negeri Selangor Darul Ehsan. Kawasan berkenaan diuruskan oleh pihak Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS), Tourism Selangor Sendirian Berhad (TSSB) dan Majlis Perbandaran Selangor (MPS), masing-masing.

Kajian ini menggunakan dua kaedah, iaitu temu bual dan pemerhatian di lapangan. Temu bual dilakukan untuk mendapatkan maklumat sahih lagi terperinci mengenai strategi pembangunan landskap yang diuruskan oleh pihak berlainan di kawasan kajian. Ia bersesuaian dengan saranan Marsal dan Robinson (2001) yang menyatakan temu bual diperlukan bagi memperoleh maklumat yang dipercayai dan sahih. Temu bual dilakukan terhadap pegawai yang bertanggungjawab secara terus dengan pembangunan dan pengurusan hutan rekreasi bagi setiap kawasan kajian. Justeru itu, kajian ini melibatkan Penolong Pengarah (Hutan Lipur dan Taman Negeri) bagi JPNS; Penolong Pengurus Promosi Dan Majlis (TSSB); dan Arkitek Landskap (MPS). Temu bual menggunakan format soalan berstruktur dan soalan yang sama digunakan terhadap ketiga-tiga pegawai terbabit agar perbezaan dan persamaan strategi pembangunan dapat dinilai dengan sahih. Namun demikian, soalan-soalan tambahan turut dikemukakan bagi mendapatkan penjelasan yang lebih mendalam terhadap sesuatu perkara. Temu bual dianalisis melalui transkripsi temu bual dan diberikan nombor kod bagi memudahkan penyelidik mengenal pasti tema bagi setiap langkah dan memberi penerangan lanjut berkaitan tingkah laku berkenaan. Proses pengekodan dijalankan sehingga tamat satu transkripsi temu bual bagi seorang responden.

Pemerhatian lapangan pula dilakukan bagi mendapatkan data mengenai penampilan fizikal kawasan kajian dan dilakukan secara berhati-hati serta bebas, iaitu tanpa ada pengaruh daripada pihak tertentu. Pemerhatian lapangan dilakukan kerana ia bertepatan dengan pandangan Lee (1976) yang menyatakan bahawa pemerhatian lapangan perlu dilakukan secara terperinci, bebas daripada sifat berat sebelah ("*bias*") dan berhati-hati untuk menjamin ketulenan dan kesahihan keputusan kajian. Oleh itu, pemerhatian dilakukan secara menurut gerak hati (*intuitive*) dan pengalaman serta pengamatan penyelidik, bukannya atas permintaan atau paksaan daripada sesiapa. Senarai semak bagi aktiviti kajian lapangan adalah seperti pada Jadual 1.

Jadual 1. Senarai semak aktiviti pemerhatian lapangan

Aspek pemerhatian	Perkara yang dilihat
A. Perancangan Tapak	<ul style="list-style-type: none">• Sensitiviti pembangunan terhadap persekitaran• Tahap bahaya Struktur/bangunan terhadap bahaya persekitaran seperti tanah runtuh• Susun atur struktur/bangunan• Kepadatan struktur/bangunan• Lokasi atau perletakan struktur/bangunan• Penglibatan penduduk setempat
B. Pembangunan Landskap	<ul style="list-style-type: none">• Penampilan reka bentuk (vernakular, moden, tradisional)• Gabungan reka bentuk dengan persekitaran hutan• Bahan binaan yang digunakan• Konsep pembangunan• Penggunaan warna pada struktur/bangunan• Kualiti pandangan/visual

Keputusan dan perbincangan

Pembangunan Hutan Rekreasi Sungai Tekala

Hutan Rekreasi Sungai Tekala telah dibangunkan pada tahun 1978 oleh JPNS. Menurut pegawai bertanggungjawab, pendekatan pembangunan bagi kawasan rekreasi ini adalah berteraskan kepada pembangunan lestari dan berkonsepkan ekopelancongan dan pendidikan. Amnya, pendekatan dan konsep ini berjaya memelihara persekitaran hutan, mengeratkan hubungan sosial di antara kaum, keluarga dan rakan serta memberi peluang kepada penduduk setempat untuk meningkatkan tahap ekonomi mereka melalui jualan makanan, minuman dan hasil pertanian. Namun, pembangunannya dilakukan tanpa mempunyai pelan landskap keseluruhan dan pelan perancangan bagi pembangunan jangka masa panjang. Sebaliknya, ia dilaksanakan secara *ad hoc* di mana para pelawat bertindak sebagai pemberi maklumat mengenai keperluan kemudahan yang perlu dibangunkan. Malahan, perletakan sesuatu kemudahan seperti wakaf ditentukan oleh pegawai bertanggungjawab tanpa ada kajian mengenai kesesuaian dan kesan terhadap persekitaran.

Justeru, hasil pengamatan yang dilakukan mendapati perletakan dan reka bentuk kemudahan yang dibangunkan kurang harmoni dengan persekitaran sekeliling serta tiada imej tersendiri dapat ditonjolkan. Sebaliknya imej yang hampir sama dengan reka bentuk taman-taman di bandar jelas kelihatan (Foto 1). Situasi sebegini jika berterusan, boleh menggagalkan usaha untuk melestarikannya.



Foto 1. Reka bentuk kemudahan yang hampir sama dengan reka bentuk taman rekreasi di kawasan bandar

Dari aspek reka bentuk kemudahan, kawasan ini menampilkan reka bentuk seni bina Melayu dan bersaiz sederhana (saiz yang tidak terlalu besar dan sofistikated) (Foto 2). Ini dapat dilihat pada reka

bentuk bumbung dan penggunaan bahan binaannya (kayu dan batu bata tanah liat). Penggunaan skema warnanya pula menampilkan warna hijau dan coklat. Warna-warna tersebut menggambarkan suasana “sejuk” dan “damai” (Brenda & Robert, 1996) serta sesuai dengan persekitaran hutan dan mampu mempengaruhi keselesaan pengguna (Arwed, 1992). Mengenengahkan reka bentuk tempatan dan menggunakan bahan binaan tempatan serta warna semula jadi pula merupakan langkah baik dalam ekopelancongan kerana ia menunjukkan tindak balas kepada pengaruh persekitaran (Ceballos-Lascurain, 1996; Walter, 1987).



Foto 2. Reka bentuk tempatan, sederhana dan penggunaan warna yang sesuai dengan persekitaran hutan oleh pihak JPNS

Melihat kepada aspek penglibatan penduduk setempat pula, didapati penglibatan kumpulan ini hanya terbatas kepada sebahagian perkara sahaja seperti menjadi penjual atau penjaja. Penglibatan mereka secara aktif dalam proses pembangunan masih lagi belum menyeluruh. Oleh itu, pihak JPNS perlu mencari jalan bagi melibatkan penduduk setempat dengan lebih aktif lagi seperti melalui projek “homestay”, pelancongan “agro” dan pusat kebudayaan. Wakil penduduk juga perlu dilantik supaya berada dalam mesyuarat tentang pembuatan keputusan pembangunannya seperti melalui penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Hutan Rekreasi. Jawatankuasa ini hendaklah terdiri daripada pihak JPNS, kumpulan pakar, wakil penduduk dan pengguna hutan rekreasi. Melalui jawatankuasa ini, penduduk setempat dapat melontarkan idea, pandangan, hasrat dan memberikan kerjasama jitu di dalam memelihara persekitaran selain dapat memastikan hutan rekreasi di kawasan mereka dilestarikan dengan lebih bijak.

Pembangunan Hutan Rekreasi Sungai Chongkak

Hutan Rekreasi Sungai Chongkak telah dibangunkan oleh JPNS semenjak 1992. Pada tahun 2005, pihak JPNS telah menyerahkan kawasan ini kepada pihak TSSB ekoran daripada masalah kekurangan kakitangan dan peruntukan serta peningkatan kos pengurusan. Semenjak TSSB mengambil alih pengurusan Hutan Rekreasi Sungai Chongkak, pendekatan pelancongan lestari berkonsepkan ekopelancongan yang merupakan kesinambungan daripada apa yang telah dilaksanakan oleh pihak JPNS sebelum itu diamalkan. Dalam masa yang sama, pihak TSSB juga menggariskan beberapa objektif untuk memastikan Sungai Chongkak mendapat sambutan daripada kalangan masyarakat. Objektif tersebut termasuklah menyediakan persekitaran yang lebih selesa dan memenuhi kehendak pelawat, memberikan keutamaan terhadap aspek keselamatan para pengguna dan menyediakan kemudahan yang memenuhi piawaian antarabangsa bagi menarik minat pelancong luar negara.

Namun begitu, pihak TSSB tidak mempunyai pelan perancangan pembangunan landskap keseluruhan bagi tujuan membangunkan landskap kawasan tersebut. Ini kerana penyediaan landskap keseluruhan kawasan berkenaan memerlukan peruntukan kewangan yang besar. Sebaliknya, strategi mengikut keperluan dan *ad hoc* adalah yang dipraktikkan pada ketika ini. Ketiadaan pelan landskap tersebut boleh menjejaskan pembangunan lestari dan menyukarkan usaha untuk mencapai objektif yang dirangka. Ketiadaan pelan tersebut juga boleh menyebabkan elemen landskap buatan manusia yang dibina kurang harmoni dengan persekitaran dan tidak dapat memenuhi kehendak ekopelancongan. Malahan, ia turut

boleh memberi kesan terhadap alam sekitar seperti hakisan tanah, kepupusan flora dan fauna serta berlakunya kemerosotan kualiti visual yang akhirnya menyebabkan kualiti pengalaman para pengunjung juga merosot.

Walau bagaimanapun, bagi memastikan kawasan ini mendapat sambutan masyarakat, pihak TSSB mengenengahkan sub konsep pembangunan, iaitu konsep *resort* yang menekankan kepada rekreasi berkeluarga ataupun berkumpulan. Konsep ini sesuai jika dilihat kepada keadaan persekitaran Sungai Chongkak yang mempamerkan keadaan sungai dan hutan gunung yang bersih. Tambahan pula kawasan ini adalah datar dan memanjang (lebih kurang 2-3 km) serta mempunyai ruang yang luas bagi menjalankan aktiviti rekreasi keluarga seperti berkelah, bersukan dan berkhemah (Foto 3). Berdasarkan data yang diberikan oleh pihak TSSB, purata pengunjung yang datang dalam sebulan bagi tempoh 2005-2008 adalah sembilan ribu hingga sebelas ribu orang. Ini menunjukkan Sungai Chongkak menerima pelawat yang ramai dalam tempoh sebulan. Hasil pemerhatian pula mendapati jumlah pelawat tidak dikawal dengan baik hingga berlaku kesesakan di sesetengah tempat, terutamanya di kawasan mandi-manda hingga boleh merosakkan alam sekitar dan tidak memenuhi konsep ekopelancongan sebenar. Oleh itu, pihak TSSB harus mengawal jumlah kedatangan pelawat agar tidak terlalu ramai dalam sesuatu masa. Dalam konteks ini sewajarnya pihak TSSB berusaha untuk mematuhi prinsip pembangunan pelancongan lestari sepenuhnya dengan mengawal kedatangan pelawat pada satu-satu masa.



Foto 3. Topografi datar, ruang luas untuk melakukan aktiviti rekreasi dan kemudahan mencukupi berjaya menarik ramai pelawat untuk datang ke Sungai Chongkak

Meninjau kepada reka bentuk elemen kemudahan yang dibina pula, didapati reka bentuknya mengaplikasikan reka bentuk bersaiz sederhana dan menampilkan seni bina Melayu yang sering menonjolkan teknik pembinaan yang ada hubungan dengan keadaan alam sekitar (Foto 4). Ini memenuhi kehendak pelancongan lestari yang menggalakkan pembangunan kemudahan direka bentuk melalui proses adaptasi daripada keadaan alam sekitarnya (Ceballos-Lascurain, 1996; Walter, 1987). Dari segi bahan binaan pula, didapati ia menggunakan bahan-bahan binaan semula jadi tempatan seperti kayu dan batu bata tanah liat. Bahan-bahan binaan ini memberikan kesan semula jadi pada bangunan dan tidak mencemarkan alam sekitar (Zucker, 1983). Manakala skema warna yang digunakan adalah warna-warna



Foto 4. Reka bentuk elemen kemudahan Sungai Chongkak menampilkan reka bentuk Melayu dan amat harmoni dengan persekitaran hutan semula jadi

pasif seperti hijau dan coklat yang menggambarkan ketenangan dan keharmonian (Brenda & Robert, 1996). Ia juga mewujudkan keseragaman terhadap persekitaran lalu mempengaruhi aspek keselesaan pengguna (Arwed, 1992).

Sementara itu, dari aspek penglibatan penduduk setempat, didapati pihak TSSB bertindak dengan lebih baik berbanding JPNS dan MPS. Ia dapat dilihat di mana seramai tujuh orang penduduk setempat dilantik sebagai pekerja bawahan selain memberi peluang perniagaan kepada penduduk tempatan yang lain. Keadaan ini telah membawa sumbangan positif kepada aktiviti ekonomi persekitaran sama ada secara langsung atau tidak langsung. Namun begitu, penglibatan penduduk setempat tersebut harus dipertingkatkan lagi dengan melibatkan mereka di peringkat pengurusan dan melantik wakil daripada kalangan mereka dalam mesyuarat tentang pembangunan Hutan Rekreasi Sungai Chongkak.

Pembangunan Hutan Rekreasi Templer

Hutan Rekreasi Templer dibangunkan pada tahun 1954 yang dikenali pada waktu itu sebagai Taman Templer oleh pihak British. Pembukaan rasmi kawasan ini dilakukan pada 19 Mei 1954 oleh Tun Sir Gerald Templer, iaitu Pesuruhjaya Tinggi British di Persekutuan Tanah Melayu pada masa tersebut. Pada tahun 1955, kerajaan Selangor menerusi Gazet (No. 104) yang ditandatangani oleh Raja Uda (Menteri Besar Selangor ketika itu) meletakkan Taman Templer di bawah pengurusan Jawatankuasa Kerja Taman Templer yang dibentuk secara *ad hoc*.

Jawatankuasa Kerja Taman Templer dipengerusikan oleh Tun Dr. Ismail (mantan Timbalan Perdana Menteri Malaysia) dan terdiri daripada para pegawai Jabatan Pertanian dan Jabatan Perhutanan (Wan Sabri et al., 1983). Pada 5 Oktober 1955, kerajaan membenarkan Persatuan Sahabat Taman Templer (*Friends of Templer Park Society*) untuk menguruskan kawasan tersebut. Lantaran itu, persatuan ini mendapat peruntukan tahunan sebanyak RM10,000.00 daripada Kementerian Pertanian untuk menguruskan kawasan Taman Templer (Nadchatram, 1971). Persatuan ini menguruskan kawasan Hutan Rekreasi Templer sehingga Januari 2002. Bermula pada tahun 2002 itu juga, Majlis Perbandaran Selangor (MPS) telah mengambil alih pengurusan kawasan ini berdasarkan keputusan mesyuarat bersama Persatuan Sahabat Taman Templer pada September 2001 (Gangadharan, 2005).

Selepas proses pengambilalihan tersebut, pegawai bertanggungjawab menyatakan bahawa MPS berhasrat menjadikan Hutan Rekreasi Templer sebagai kawasan pelancongan lestari khusus bagi kawasan Selangor berkonsepkan ekopelancongan. Oleh itu, pendekatan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, peningkatan ekonomi serta hubungan sosial ditekankan di dalam proses pembangunannya. Bagi memastikan konsep dan pendekatan tersebut tercapai, pihak MPS telah melantik perunding untuk menyediakan pelan landskap keseluruhan kawasan Hutan Rekreasi Templer di bawah seliaan Unit Pembangunan dan Projek Khas. Pihak MPS berbuat demikian kerana pihak bertanggungjawab sebelum itu tidak menyediakan pelan pembangunan landskap keseluruhan bagi pembangunan kawasan berkenaan.

Arkitek landskap Jabatan Taman dan Rekreasi, MPS mengetuai proses penyediaan pelan landskap tersebut bersama arkitek landskap daripada pihak perunding dengan kerjasama kumpulan pakar yang lain, iaitu jurutera awam (struktur), jurutera mekanikal dan elektrik (pendawaian dan pencahayaan) dan pegawai hutan bagi memastikan penyediaan dan pelaksanaan pembangunannya kelak memenuhi kehendak MPS dan konsep ekopelancongan. Berdasarkan kepada pelan landskap yang dibentuk itu, pihak MPS membangunkan Hutan Rekreasi Templer secara berperingkat-peringkat di mana peringkat pertama telah dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM1 juta daripada Kementerian Pelancongan Malaysia. Di peringkat pertama tersebut, elemen-elemen landskap seperti bangunan ruang makan dan tandas awam sedia ada ditempatkan semula ke kawasan yang lebih strategik, membina ruang permainan kanak-kanak, wakaf dan tempat duduk yang baharu yang mempunyai ciri-ciri kelestarian yang lebih baik seperti beridentitikan reka bentuk Melayu dan penggunaan bahan binaan serta skema warna yang mesra alam. Membaiki tebing sungai yang mengalami hakisan menggunakan kaedah mesra alam juga dilakukan di peringkat pertama tersebut.

Melalui pemerhatian di lapangan, didapati sesetengah kemudahan di kawasan Hutan Rekreasi Templer kurang harmoni dengan persekitaran hutan terutama yang dibina lebih awal sebelum MPS mengambilalih kawasan disebabkan pembinaannya dibuat secara *ad hoc* dan tanpa kajian terhadap kesan persekitaran (Foto 5). Justeru itu, pembaikan perlu dilakukan segera agar ia lebih harmoni dengan persekitaran sekeliling seperti menukar penggunaan marmar kecil kepada bahan yang lebih mesra alam seperti *slate*¹. Kemudahan peta kawasan, tanda amaran dan penunjuk arah harus diadakan untuk memudahkan para pelawat dan perlu diletakkan di tempat-tempat strategik seperti di kawasan meletak kenderaan, kawasan perkhemahan dan gerai makan. Kemudahan denai/trek hutan perlu diperbaiki agar keselamatan pengguna terjamin dengan meletakkan papan-papan tanda amaran terutamanya di kawasan curam dan berbahaya.



Foto 5. Sesetengah kemudahan Hutan Rekreasi Templer kurang harmoni dengan persekitarannya disebabkan penggunaan bahan binaan yang kurang sesuai seperti marmar kecil pada ruang teduh dan tangga serta zink pada papan tanda

Pemerhatian di lapangan juga turut mendapati bahawa reka bentuk landskap yang diketengahkan adalah mengikut prinsip ekopelancongan dan keadaan persekitaran semula jadi hutan terutamanya pada elemen kemudahan yang baru dibina oleh pihak MPS. Seni binanya jelas mengaplikasikan reka bentuk bersaiz sederhana bagi semua kemudahan dengan mengenengahkan seni bina tempatan, iaitu seni bina Melayu (Foto 6). Bahan binaan yang digunakan pula terdiri daripada bahan-bahan yang tahan lasak dan tahan lama seperti konkrit dan batu-bata. Penggunaan kayu sebagai bahan binaan pada elemen kemudahan kurang digunakan kerana memerlukan penyelenggaraan yang tinggi disebabkan cuaca yang lembab. Manakala, reka bentuknya mengenengahkan bentuk-bentuk yang mudah diselenggara serta kurang memerlukan pemeriksaan bagi tujuan penyelenggaraan. Malahan, skema warna yang digunakan pada semua kemudahannya adalah warna-warna tanah yang harmoni dengan persekitaran sekeliling. Perletakan elemen kemudahannya mengikut kontur juga sesuai dengan keadaan topografi dengan mengelakkan kawasan curam dan berbahaya serta menggunakan "*footing system*"² pada struktur-struktur tertentu yang dibina di kawasan seperti tebing sungai dan kawasan yang mudah dinaiki air. Aspek-aspek yang dinyatakan tersebut mampu untuk menyokong proses kelestarian kawasan Hutan Rekreasi Templer.

¹ Batu metamorfik semula jadi berkualiti rendah yang terbentuk hasil pemendakan batuan lembut terdiri daripada tanah liat atau debu gunung berapi.

² Pembinaan bahagian bawah pada struktur (tapak/tiang) menggunakan tetulang dan simen konkrit.



Foto 6. Reka bentuk sederhana, penampilan senibina Melayu dan penggunaan warna-warna tanah di hutan rekreasi Templer menyokong proses kelestariannya

Dari segi penglibatan penduduk setempat pula, pihak MPS hanya melibatkan mereka sebagai penjual makanan dan minuman di gerai-gerai makan yang disediakan sahaja. Keadaan ini sama dengan hal yang berlaku dalam proses pembangunan Hutan Rekreasi oleh JPNS. Mereka tidak dilibatkan dalam proses pembangunan sama ada di peringkat awal mahupun selepas proses pembangunan itu sendiri. Jika sebelum ini pengkaji dimaklumkan bahawa penduduk setempat melalui Persatuan Sahabat Taman Templer dilibatkan dalam kerja-kerja penyelenggaraan, namun kini tidak lagi. Situasi ini meyakinkan pengkaji bahawa ia menyebabkan masyarakat merasakan bahawa penglibatan mereka tidak diperlukan dan akhirnya membawa kepada kekurangan sokongan mereka. Ini dapat dilihat di mana walaupun Hutan Rekreasi Templer berdekatan dengan kawasan perumahan dan perkampungan serta bersebelahan jalan raya utama, namun kedatangan pengunjung dari kalangan masyarakat setempat pada hari-hari biasa dan hujung minggu adalah amat sedikit atau hampir tiada langsung. Keadaan ini menggambarkan seolah-olah masyarakat setempat tidak mengendahkan akan kewujudan Hutan Rekreasi Templer. Jika keadaan sebegini berterusan, prinsip ekopelancongan pasti sukar untuk dicapai kerana penglibatan penuh penduduk setempat sangat rendah terutama dalam proses perancangan dan pembangunan kawasan.

Kesimpulan

Ketiga-tiga kawasan kajian mengaplikasikan pendekatan pembangunan lestari melalui konsep ekopelancongan. Ini merupakan pendekatan terbaik bagi pembangunan landskap hutan rekreasi kerana fokus diberi kepada aspek alam sekitar, sosial dan ekonomi. Bahkan, pendekatan kelestarian merupakan satu konsep yang menekankan kesepaduan dan keseimbangan di antara pembangunan ekonomi dengan keperluan sosial dan alam sekitar bagi memenuhi keperluan semasa tanpa menjejaskan kemampuan memenuhi keperluan pada masa depan. Memperkenalkan hutan rekreasi sebagai destinasi ekopelancongan pula amat bertepatan dengan pendekatan kelestarian yang menekankan aspek-aspek alam sekitar, ekonomi dan sosial. Ekopelancongan juga mampu mendidik masyarakat untuk memahami dan mempelajari mengenai persekitaran hutan dan apa juga bentuk budaya yang terdapat serta menikmati landskap, flora dan fauna yang ada. Impak yang minimum ke atas persekitaran dan landskap pula dapat dilakukan lantaran prinsip ekopelancongan yang menekankan pemeliharaan persekitaran. Bahkan, ekopelancongan mampu menyumbang kepada pengekalan habitat dan spesies hidupan selain mendatangkan keuntungan sosio-ekonomi kepada penduduk setempat.

Namun, satu perkara yang jelas mengenai pembangunan landskap hutan rekreasi di kawasan kajian adalah ia dibangunkan tanpa pelan perancangan pembangunan landskap keseluruhan. Umumnya, kawasan tersebut dibangunkan secara mengikut keperluan, kehendak pengguna dan *ad hoc* yang mengakibatkan ketiadaan identiti tersendiri. Hampir semua elemen landskap buatan manusia yang dibina di dalam kawasan hutan rekreasi di kawasan kajian pula boleh dikatakan mempunyai persamaan dari segi reka bentuk dan lemah di dalam menampilkan identiti tersendiri, malahan reka bentuknya hampir menyamai seperti mana reka bentuk yang terdapat di dalam kawasan rekreasi di kawasan bandar. Oleh itu, pelan

tersebut untuk setiap kawasan hutan rekreasi amat wajar disediakan bagi memudahkan pengenalpastian identiti, membuat keputusan dan mengawalselia kawasan. Selain itu, faktor-faktor perancangan, kerjasama pakar, reka bentuk kemudahan, penglibatan penduduk setempat, pengguna hutan rekreasi dan penyelenggaraan harus diberi perhatian serius apabila merancang, membangun dan mengurus hutan rekreasi bagi memastikan kelestarian hutan rekreasi dapat dicapai. Kegagalan mengambilkira faktor-faktor ini boleh menyebabkan pendekatan kelestarian tidak kesampaian yang akhirnya mengalami kegagalan dan terbiar kerana kekurangan pengunjung dan tidak mendapat sokongan masyarakat setempat.

Kekuatan kepada kejayaan pembangunan landskap hutan rekreasi boleh dikatakan terletak pada konsep ekopelancongan itu sendiri. Cuma, pembangunannya hendaklah dirancang terlebih dahulu sebelum pembangunan dilaksanakan supaya sumber-sumber landskap semulajadi (hutan, sungai, bukit bukau dan air terjun) terus terpelihara dan dapat diharmonikan dengan elemen landskap buatan manusia. Malahan kepatuhan kepada ciri-ciri kelestarian landskap hutan rekreasi yang berkisar kepada aspek persekitaran, ekonomi, penglibatan masyarakat, tadbir urus, estetika dan reka bentuk landskap juga wajar dipertingkatkan oleh pihak-pihak berkaitan bagi memperkukuhkan lagi usaha untuk mencapai kelestarian sebenar.

Penghargaan

Kajian ini merakamkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Tourism Selangor Sdn. Bhd. dan Majlis Perbandaran Selayang kerana sudi memberikan maklumat dan ditemubual serta membenarkan kawasan mereka dijadikan kajian kes.

Rujukan

- Anderson G (1993) *Fundamentals of educational research*. Falmer Press, London.
- Arwed T (1992) *Ecologis planning*. Fried, Vieweg & son, Braunschweig, Wiesbaden.
- Brenda, Robert (1996) *Green architecture: Design for a sustainable future*. Thames and Hudson Ltd, London.
- Ceballos-Lascurain H (2001) *Integrating biodiversity into the tourism sector: Best practice guidelines*. Report delivered to the United Nations Environment Programme, the United Nations Development Programme, the Global Environment Facility and the Biodiversity Planning Support Programme, June 2001.
- Ceballos-Lascurain H (1996) *Tourism, ecotourism and protected areas*. IUCN, Switzerland.
- Gangadharan N (2005) *Templer park: Pages from the past*. Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd, Malaysia.
- Lee T (1976) *Psychology and the environment*. Methuen, London.
- Marsal C, Robinson GB (2001) *Designing qualitative research*. Sage Publications, Newbury Park London and Newdehli.
- Mohd Kher H, Saiful Arif A, Shahrudin MI, Chamhuri S (2009) Issues and the need of perception study for recreational forest landscape development in Peninsular Malaysia. Proceeding, Universiti Malaysia Terengganu 8th International Annual Symposium on Sustainability Science and Management (UMTAS 2009), pp. 573-578.
- Nadchatram N (1971) A guide to Taman Rimba Templer (Templer Park). *Malayan Nature Journal* 24 (3 & 4).
- Roshanim Koris, Fazidah Ferdan (2008) Permintaan rekreasi dan nilai ekonomi Hutan Lipur Sekayu. In: Mohd Nasir et al. (eds) *Pembangunan, penggunaan dan penilaian sumber alam*. Penerbit UMT, Universiti Malaysia Terengganu.
- Walter G (1987) *Design in architecture*. Rudolf muler, Koln.

- Wan Sabri WM, Mamit JD, Wah LS, Roslan H (1983) An evaluation of park usage and its effect upon planning and management: The Templer Park visitor survey. *Rekreasi luar di Malaysia*, pp. 367-382. Fakulti Perhutanan, Universiti Pertanian Malaysia.
- Zucker W (1983) The image and imagination of the architect. In: Read, Doo (eds) *Via 6, architecture and visual perception*. MIT Press, Cambridge, MA.